



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

19 Sep2021 (Sunday)

Berita Harian

Tanah runtuh disangka bunyi letupan 1

Utusan Malaysia

21 kali dinyahwarta 2

Mangsa tanah runtuh tunggu kediaman selamat diduduki 3

Kes Selangor turun bawah 2,000 4

Belajar menyanyi dari corong radio 5

Harian Metro

103 penduduk dipindahkan 6

Lencong jalan korek kelodak paip kalbat 7

'Safari' Klang 8

MIMPI BERTEMU NABI SAW & ISU YAQAZAH 9

Kosmo

Fyqa impi jadi wartawan penyiasatan 10

Seramai 103 penduduk Kemensah Heights kena pindah 11

Sinar Harian

Insiden lebih buruk jika hujan berterusan 12

Kemensah Heights diisytihar kawasan bencana 13

Pembinaan cerucuk besi perlu disegerakan - Azmin 14

Tanah runtuh berlaku akibat air bawah tanah 15

Astro Awani

Bantuan Khas RM500 Disalurkan Kepada Mangsa 16

Lokasi Runtuhan Bukan Kawasan Panas - MB Selangor 17

Perkembangan Di Jalan Kemensah Heights 18

Berita Harian Online

Tanah runtuh dipercayai akibat aliran air bawah tanah 19

Bername News Channel

Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana 20

Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana (R) (R) 21

RTM1

MPAJ Diarah Segera Sedia Laporan Menyeluruh 22

MPAJ Diarah Segera Sedia Laporan Menyeluruh 23

Tanah Runtuh Di Kemensah Height MPAJ Diarah Kemuka Laporan 24

Sinar Harian Online

'Bunyi kuat seperti dentuman guruh, rupanya tanah runtuh' 25

Gangguan bekalan air di Hulu Langat mulai 28 September 26

Kebun Komuniti bantu jana pendapatan penduduk semasa PKP 27

Sebarang aktiviti di hutan simpan kekal di Selangor tidak dibenarkan 28

Utusan Malaysia Online

Laman Budaya Musical Fountain, Zip Line kembali dibuka 29



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Lima kawasan Hulu Langat alami gangguan bekalan air	30
The Star	
Still a force behind the scene	31
New Straits Times	
Remedial work to stop soil movement	32
Malaysiakini Online	
Workshop operator denies being behind last year's Sg Gong pollution	33
China Press	
Road from Eko Cheras Mall to KL will undergo water pipe replacement works, public are urged to use temporary alternative roads.	34
MPKj obtain over RM2.55 million; Resurfacing Sungai Long Road part of road section.	35
MPK: Avoiding seawater cross the dike backflow history repeat; Surveillance black zone and strengthen flood control.	36
Nanyang Siang Pau	
Heavy vehicle traffic leads to many holes in the road and the industrial town needs to be repaired once a month	37
Taman Eng Ann Merchant and Hawker Association clarifies that the fee is used as an pandemic prevention management and not for enrichment	38
Guang Ming Daily	
27,000 feet of landslide with 27 houses affected	39
Taman Eng Ann's morning market adds pandemic prevention measures, traders' association clarifies no enrichment	40
Bernama News Channel	
Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana (R)	41
Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana (R) (R)	42
Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana (R) (R)	43
Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana (R)	44
Lokasi tanah runtuh diisytihar kawasan bencana (R) (R)	45
Astro Vinmeen HD	
Tempat kejadian Bencana	46



KERATAN AKHBAR		
19 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tanah runtuh disangka bunyi letupan
Muka Surat	:	8



Mangsa tanah runtuh Kemensah Heights dengar bunyi dentuman

Kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights

Tanah runtuh disangka bunyi letupan

Selain 28 keluarga, 103 lagi penduduk dipindah bimbang kejadian berulang

Oleh Safeek Affandy Hazali safeek@bh.com.my

Ampang Jaya: "Anak lari ketakutan dan beritahu ada pokok dari atas bukit jatuh betul-betul di belakang rumah kami," kata Suhaimi Sulaiman 61, antara penduduk yang terjejas dalam kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights, di sini, malam kelmarin.

Katanya, dia yang berada dalam bilik pada waktu itu menyayangkan bunyi letupan dan dentuman didengar pada jam 9.15 malam itu kerana anaknya sedang memasak di dapur. "Terdengar bunyi seperti benda meletup dan saya sangka anak sedang memasak kerana ketika itu dia berada di dapur. "Saya tanya dia masak apa,

tetapi tiba-tiba dia berlari ketakutan sambil menjerit memberitahu pokok dari atas bukit jatuh betul-betul di belakang rumah, boleh dicapai dengan tangan," katanya ketika ditemui semalam. Beliau berkata, kawasan itu mengalami hujan lebat, namun sudah berhenti agak lama sebelum runtuh tanah berkesanan. Seorang lagi penduduk, Zuli Hafiz Suhaimi, 27, berkata dia terdengar bunyi seperti orang menarik meja, disusuli dentuman kuat seperti guruh di belakang rumah.

"Apabila keluar saya lihat pokok buluh dari atas bukit berada betul-betul di tingkap dapur. "Ketika itu juga saya melihat jiran menjerit ketakutan dan terus berlari keluar dari rumah kerana panik," katanya yang memulau kodi-man itu bersama ibu bapa serta adik dan kini memumpang sementara di rumah saudara mereka.



Kedudukan kawasan kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights, Hulu Klang

(Foto Ihsan penduduk)

Kejadian menyedihkan 28 keluarga yang memulau 19 rumah teres dua tingkat dan banglo di Jalan 7, Kemensah Heights dipindahkan atas faktor keselamatan. Sementara itu, 103 penduduk di situ terpaksa dipindahkan kejadian berkesanan.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisyoner Mohamad Farouk Eshak, berkata mereka dipindahkan sejak malam kejadian untuk keselamatan kerana berulang. "Ketika kejadian, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memutup tanah runtuh dengan kanas terlebih dahulu, sebelum sebarang kerja dapat dilakukan. "Sembilan pegawai dan 39



Sebuah rumah runtuh dalam kejadian di Kemensah Heights, malam kelmarin.

(Foto Fathul Aeri/BH)

anggota polis ditempatkan di lokasi kejadian bagi mengawasi pergerakan dan menjamin keselamatan penduduk, selain kita juga tidak membenarkan sebarang pergerakan masuk dari luar kawasan ini," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam. Sehingga semalam, mereka yang dipindahkan terdiri penduduk 16 unit rumah town house di Jalan Kemensah dan lot banglo di Jalan 7, Kemensah Heights.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	21 kali dinyahwarta
Muka Surat	:	2

Hutan Bukit Cerakah mengecil, terus dibersihkan untuk pembangunan

21 kali dinyahwarta

Oleh **MOHAMMAD ATHIR ISMAIL**
 dan **MOHAMMAD NAUFAL**
MOHAMMAD IDRIS
 utis@sunnews.com.my

SHAH ALAM: Hutan Simpan Kecil Bukit Cerakah (HSKBC) di sini semakin mengecil apabila dalam tempoh 96 tahun sejak 1924 hingga 2020 mengalami penyahwartaan sebanyak 21 kali

membahagikan kawasan seluas 12,892.48 hektar. Mengikut Warta Kerajaan Selangor, penyahwartaan terluas direkodkan pada 1990 melibatkan tanah seluas 4.5 hektar merangkumi kawasan Felda Bukit Cerakah dan Universiti Teknologi Mara (UTM) Puncak Alam. Warta kerajaan negeri tersebut turut merekodkan hutan ber-

kanaan memberi keistimewaan buat penduduk Orang Asli untuk tinggal dalam lingkungan lima kilometer dari kawasan HSKBC. HSKBC digazet sebagai hutan simpan sejak 3 Mac 1909 oleh Kerajaan British dan dalam masa sama kawasan berkenaan mencapai keluasan dari Bukit Raja, Klang hingga ke Sungai Buloh dan Kuala Selangor. Namun tidak

dinyatakan jumlah keluasan keseluruhan asal ketika itu. Susulan pengecilan HSKBC, aktivis pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Peratuan Hutan Komuniti Shah Alam (SACF), Dr. Lim Teck Wyn tampil melancarkan kebimbangan apabila melihat aktiviti menggondolkan hutan di sekitar HSKBC masih berterusan bermula tahun lalu.

Bercakap kepada Mingguam Malaysia, aktivis itu berkata, pembersihan memabutkan kawasan seluas 202.34 hektar dikatakan bukan sahaja mencacatkan pemandangan, bahkan dikhuatiri mengganggu ekosistem hidupan liar dan penduduk sekitar kawasan tersebut.

Bersambung di muka 2

21 kali dinyahwarta

Dari muka 1

Kata beliau, selepas kawasan seluas 202.34 hektar habis diteroka ia akan dibina perumahan maka baki hutan HSKBC cuma 2,623.17 hektar.

Selain itu, menurut Teck Wyn, aktiviti itu turut menyebarkan kawasan takungan air Empangan Sebang keruh dan pihaknya kecewa kerajaan negeri 'menghalalkan' penorekan hutan dengan menyebarkan geran tanah tersebut yang sebelum ini berstatus hutan simpan.

"Kalau ikut undang-undang, kerajaan negeri tidak memberi geran tanah ke atas mana-mana hutan simpan. Itu memang jelas, mana boleh dapat geran di hutan simpan. Itu memang melanggar undang-undang Kanun Tanah Negara 1956.

"Tetapi, kita boleh nampak dengan mata kasar memang sedang berlaku pembukaan kawasan hutan untuk pembangunan dan paling penting mereka sudah dapat geran tanah. Syarikat sudah dapat geran tetapi tanah masih lagi dalam gazet hutan simpan," kata beliau kepada Mingguam Malaysia.

Teck Wyn berkata, SACF yakin kawasan sedang dibersihkan itu masih berstatus hutan simpan kerana belum ada pengedaran awam dilakukan kerajaan negeri sehingga kini.

"Jadi, kawasan yang diwarta ini macam masih grey area. Memang belum diwartakan keluar, tetapi sudah ada kelulusan Exco," jelasnya.

Tujuan mendapati aktiviti pembersihan hutan sedang 'rancah' dan dapat dilihat



KELIHATAN lori dan jengkaut di kawasan berhampiran HSKBC di Shah Alam melakukan kerja-kerja pembersihan untuk dibina kawasan perumahan. - MINGGUAN / ZULFADHLI ZAKI

dari Persiaran Mokhtar Dahari berdekatan Puncak Perdana. Sementara itu, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian ketika dihubungi menilakan kawasan tersebut hutan simpan kerana ia sudah dinyahwarta tahun 2000.

"Kawasan itu bukan hutan simpan. Sudah (dinyahwarta) tahun 2000. Semua tanah (ada) hak milik. Dokumen (nyahwarta) memang ada. Kalau berkaitan isu tanah, NGO kena rujuk Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling atau Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)," kata beliau.

Dalam pada itu, Projek Eksekutif syarikat YCH Develop-

ment Sdn. Bhd. (YCH), Chang Kim Fah pula mengesahkan tanah berkenaan ada geran hak milik dan bukan diteroka.

"Restu Mantap Sdn. Bhd. (Restu Mantap) adalah pemilik tanah, sementara YCH syarikat pemaju. Kita buat kerja selepas dapat geran dan mohon kelulusan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sementara itu, bahagian Hutan Daerah Selangor Tengah, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ketika dihubungi meminta NGO berkaitan tampil membuat laporan rasmi untuk mengesahkan kawasan itu adalah hutan simpan ataupun bu-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mangsa tanah runtuh tunggu kediaman selamat diduduki
Muka Surat	:	4

Mangsa tanah runtuh tunggu kediaman selamat diduduki

AMPANG: Kira-kira 32 keluarga serta penghuni banglo yang terjejas dalam kejadian tanah runtuh di Kemensah Height di sini, dikatakan enggan tinggal di penempatan sementara yang disediakan sebaliknya menunggu kediaman mereka selamat untuk diduduki.

Ramai yang dilaporkan menginap di hotel dan rumah saudara mara kerana bimbang keadaan bersesak-sesak di penginapan sementara dan

terdedah jangkitan Covid-19.

Pegawai Bomba Kanan dari Balai Bomba dan Penyelamat Ampang, Mohd. Zamzuri Baharuddin berkata, terdapat dua dewan disediakan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi penempatan mangsa tanah runtuh di Kemensah Height.

"Mereka semua diberikan kemudahan untuk berpindah di pusat sementara, tetapi mangsa memberitahu enggan berkum-

pul di sana kerana bimbang dengan masalah pematuhan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan Covid-19.

"Jadi mereka memberitahu mahu tinggal sementara di rumah saudara mara berhampiran serta hotel sehingga kediaman selamat untuk diduduki," katanya

ditambahkannya. Kelmarin tanah runtuh dilaporkan berlaku di Kemensah Height membabitkan tiga buah

banglo yang terletak di bahagian atas tebing Sungai Kemensah.

Tanah yang runtuh turut menimbus sungai berkenaan sehingga menyebabkan airnya melimpah keluar dan membanjiri 16 unit rumah bandar yang terletak di kawasan berhampiran.

Sebanyak 32 keluarga dilaporkan diarahkan berpindah bagi memastikan keselamatan mereka sementara kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan dilakukan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
19 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kes Selangor turun bawah 2,000
Muka Surat	:	5

Kes Selangor turun bawah 2,000

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
 juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Selangor buat pertama kali mencatat penurunan kes harian Covid-19 di bawah 2,000 dengan merekodkan jumlah 1,995 kes, semalam setelah lebih tiga bulan mencatatkan jumlah sehingga mencecah 8,000 kes sehari.

Selangor sebelum ini merekodkan kes jangkitan harian paling tinggi dengan 7,654 kes, namun kembali terkawal sejak awal bulan ini.

Kali terakhir Selangor mencatat kes harian terendah pada Mei lalu iaitu 2,082 kes, namun angka itu meningkat sejak Julai walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Kadar penurunan kes Covid-19 di Lembah Klang khususnya di Selangor mula mencatatkan penurunan sejak akhir Ogos lalu selepas kerajaan menggandakan Operasi Lonjakan Kapasiti Vaksin Covid-19 pada 26 Julai lepas sehingga kadar vaksinasi lengkap Lembah Klang kini mencapai 105.6 peratus.

Malah, keadaan itu juga disebarkan pelaksanaan PKP dan PKPD di seluruh negeri yang menyaksikan banyak sektor ekonomi ditutup dan sekatan pergerakan orang ramai.

Pada pada 6 September lalu, kadar jangkitan harian kes Covid-19 di Lembah Klang buat pertama kalinya sejak Mei lalu



SEBAHAGIAN petugas kesihatan memberi suntikan vaksin kepada salah seorang penerima pada Program SELVAX Bergerak anjuran Dun Teratal di Padang Pandan Mewah, Ampang baru-baru ini. - MINGGUAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

turun daripada 8,000 hingga 12,000 kes sehari kepada 2,524 pada 6 September lalu.

Perkembangan tersebut memberi khabar positif kepada warga kota termasuk rakyat Selangor apabila kerajaan mengumumkan peralihan fasa

1 kepada fasa 2 Pelan Pemulihan Negara dengan kelonggaran aktiviti sosial dan ekonomi.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak menjadi negeri terbanyak kes positif iaitu 2,929 seka-

li gus mengatasi Selangor.

Menurut Dr. Noor Hisham, selepas Sarawak diikuti Johor (2,208), Selangor (1,995), Sabah (1,395), Pulau Pinang (1,375), Kelantan (1,214), Perak (1,120) dan Kedah (1,073).

"Lima negeri mencatatkan

kes tiga angka iaitu Terengganu (755), Pahang (634), Kuala Lumpur (382), Melaka (263) dan Negeri Sembilan (131).

"Perlis merekodkan 33 kes dan Putrajaya, 31 kes manakala Labuan (11)," katanya dalam satu kenyataan semalam.



KERATAN AKHBAR 19 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Belajar menyanyi dari corong radio
Muka Surat	:	16

Belajar menyanyi dari corong radio

SADAN hai tida dengarkan dengan alunan lagu lagu malar segar yang menyuarah jiwa dari rusa dari corong radio tempatan. Irony yang dengarkan bukan sekadar sambutan biasa tetapi, malah ada kejayaan mengesakan kerangan lalu.

Haral memori yang memanggalkan kesan kepada pendengar, namun tidak semua pendengarnya bernilai baik. Ada yang malah digang, malah ada juga yang tidak diisrali walaupun lagu lagu dengarkan memuapopular dan sering diulangi.

Manajemen sarak harmoni Hasnida Arfah, 43, sabal seorang dari pesanya. Lagu dengarkanlah sedari dari Selangor yang pernah menjadi arus bunyi sebuah drama berseri popular. Siti. Diendelirya rualah berkesan pada pengujung era 90 an dahulu. Namun tidak nama pernah mengisrali dirinya.

Bername Khabar Legenda, anak lelaki Hasnida huan klang ini berkejar cerita pahala mendaurulain pengalaman sebagai anak an.

“Teranyai lama seperti saya ini memang tak sama dengan penyanyi selangor. Hari ini bukan nak jadi artis atau banyak alifform yang memmarahi teranyany media sosial. Malah saya dah lama bermula dari bawah. Saya serdu pada baris kanyang buat persembahan di rumah orang kahwin.”

“Kalau itu usia baru 14 tahun, tapi sebaham minat menyanyi saya belajar banyak genre muzik termasuk pop, balada, and dan dangdut. Menyanyi di rumah orang kahwin kena wanyari. Sebab khabar khabar itu tu dari segi nyanyian dan lapan. Katanya membuka pertubuhan.

Tidak pernah mendapat pendidikan dalam bidang nyanyian teranyany dari segi persembahan dan vokal, namun dia tidak pernah putus asa atau putus semangat.

Penyanyi di mana ada khabaran pasanya di situ ada jalan. Itu ni terasbut dipali daripada individu yang kuat dengannya, ter anyama bapa saudaranya yang aktif mengedarkan persembahan bername kumpulan muzik ketika itu.

Utau juga khabaran yang terasbut. Setiap pengalaman terasbut an dan diulangi berulang bunyany mengesakan langkah ke hadapan.

Sebahal mendapat keyakinan, baharuhan dari mendaurulain diri menyanyi beberapa pertandingan nyanyian. Fikmyra hanya jalan terasbut di tempus mengesakan khabar terasbut anur.

“Membuat nama ku pengasah lebih tinggi.”

“Nah belajar esak mengasak masyara. Saya hanya belajar dari radio sahaja. Setiap lirik, mood dan langkah saya hada sebagai mungkin. Hadanya, saya berkeyar mendapat tempat ketika dalam sebuah pertandingan penyanyi di Majlis Pertandingan Klang (MPN).”

“Saat ini saya dah banyak individu dan nyanyai rakaman Audio One. Dia memawakan saya mengasak amu akumran. Pada mulanya saya tak pernah juga, maklum lah waktu itu baru bermula 17 tahun.”

“Tidak pernah mendapat pendidikan dalam bidang nyanyian teranyany dari segi persembahan dan vokal, namun dia tidak pernah putus asa atau putus semangat.”

TIDAK pernah mendaurulain kisah untuk bername Selangor ada khabaran, selagi itu dia akan terus mengisrali huan pemusik.

Kecewa, kesal bermain di fikiran

SUAMI individu yang sentiasa menyongok kerjaya sentiasa dari dahulu hingga ke hari ini.

Cuba beralih kerjaya baharu, dia ker mula berpindah dengan penempaan pakisan yang diulangi secara atis bulan. Bermula atas dasar ‘suka-suka’, kini dia boleh merasik nafas juga apabila permasalahannya mampu berbeza berbeza dan terasbut terasbut terasbut terasbut terasbut.

“Saja mananya kerana sudah dengan apa yang berlaku. Bukan bermaksud tidak boleh memmarahi tawaran terasbut.”

“Alhamdulillah, sambutan diterima cukup mengagumkan. Pakisan yang saya jual ini rancang nak buat peralihan public. Saya yang betul. Itu saya dan khabaran kepada pelanggan lain, akan dapat hadiah terasbut.”

“Tepada yang bermisral nak lihat atau beli, bolehlah ikut program live saya di Facebook Hasnida Arfah, myra Allah saya cuba kerban yang terbaik buat anda semua.” Katanya mengisrali pertubuhan.

“Dalam seminggu hampir empat atau lima kali saya buat promosi secara live di Facebook. Kebanyakan saya buat pada pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari, dan berkinerja pada pukul 5 malam hingga 11 malam pada hari sama. Selepas itu saya rancang nak buat peralihan public. Saya yang betul. Itu saya dan khabaran kepada pelanggan lain, akan dapat hadiah terasbut.”

“Tepada yang bermisral nak lihat atau beli, bolehlah ikut program live saya di Facebook Hasnida Arfah, myra Allah saya cuba kerban yang terbaik buat anda semua.” Katanya mengisrali pertubuhan.

KELUARGA bahagian Hasnida mengedarkan foto kesenangan bername manut dan anak anak terasbut.

FOTO kesenangan bername penyanyi Zanul.



KERATAN AKHBAR 19 September 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	103 penduduk dipindahkan
Muka Surat	:	2



KEADAAN tanah runtuh di Kemensah Heights.

103 penduduk dipindahkan

Ampang Jaya: Seramai 103 penduduk kejadian tanah runtuh di dua lokasi di Jalan Kemensah Heights di sini, sudah dipindahkan dari kediaman mereka, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, semua penduduk dipindahkan sejak kelmarin bagi menjamin keselamatan mereka kerana dikhuatiri kejadian runtuh kembali berulang.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menutup tanah runtuh dengan kanvas terlebih

dahulu sebelum sebarang kerja dapat dilakukan.

"Jabatan Mineral dan Geosains turut melakukan pemeriksaan dan kajian untuk mengetahui penyebab tanah runtuh.

"Seramai sembilan pegawai dan 39 anggota polis ditempatkan di lokasi kejadian ini bagi mengawasi sebarang pergerakan dan keselamatan penduduk," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.


Mohamad Farouk berkata, langkah itu bagi menjamin keselamatan semua termasuk mereka yang mendiami ka-

wasan berhampiran dan kita tidak membenarkan sebarang pergerakan kepada mereka yang datang dari luar kawasan ini.

Beliau berharap orang ramai dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dalam hal ini dan mematuhi segala arahan yang ditetapkan sehingga keadaan disahkan selamat untuk didiami.

Harian Metro sebelum ini melaporkan dua puluh lapan keluarga dari 19 rumah teres dua tingkat di Kemensah Heights di sini dipindahkan ke pusat pemindahan sementara susulan tanah runtuh.

TANAH RUNTUH DI KEMENSASH HEIGHTS





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

19 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Lencong jalan korek kelodak paip kalbat
Muka Surat	:	4

Lencong jalan korek kelodak paip kalbat

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan kerja pengorekan kelodak paip kalbat dan pemotongan/pengalihan paip Air Selangor di hadapan Eko Cheras Mall dari Kajang ke ibu negara sebagai usaha mengatasi banjir kilat.

Sehubungan itu, DBKL dalam satu kenyataan semalam memaklumkan penggu-

na jalan raya di Jalan Cheras di hadapan Eko Cheras Mall dari Kajang ke Kuala Lumpur akan mengalami gangguan aliran trafik/lencongan jalan mulai hari ini hingga 9 Oktober.

“Pegguna di laluan itu akan dilencongkan dan boleh menggunakan laluan alternatif sementara di lokasi berkenaan,” menurut kenyataan itu, semalam. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 19 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Safari' Klang
Muka Surat	:	4



LAMAN Seni Safari Royal Klang adalah satu tarikan terbaharu untuk dikunjungi di Klang. Laman Seni Safari mempamerkan mural bermotifkan pelbagai haiwan. Projek ini diusahakan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) di kawasan Jalan Tengku Kelana berdekatan Galeri Diraja Klang untuk menarik lebih ramai pengunjung datang ke Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR



KERATAN AKHBAR		
19 September 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MIMPI BERTEMU NABI SAW & ISU YAQAZAH
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

MIMPI BERTEMU NABI SAW & ISU YAQAZAH



Bersama
Dr Mohd Khafidz Soroni



Kita meyakini perkara luar biasa boleh berlaku kepada nabi AS sebagai mukjizat maka ia juga boleh berlaku kepada wali Allah sebagai karamah

impi bertemu Nabi SAW adalah benar berdasarkan dalil hadis daripada Anas RA katanya: "Nabi SAW bersabda: 'Sesiapa melihatku di dalam mimpi maka bererti dia telah melihatku kerana sesungguhnya syaitan tidak akan dapat menjelma sepertiku.'" **Riwayat al-Bukhari**

Mimpi melihat Nabi SAW adalah satu kemuliaan dan penghormatan kerana Allah SWT memelihara baginda SAW sehingga syaitan pun tidak mampu menyerupai dirinya walaupun di dalam mimpi.

Terdapat riwayat lain yang menyebut kelebihan mimpi melihat Nabi SAW iaitu hadis Abu Hurairah RA katanya: "Aku mendengar Nabi SAW bersabda: 'Sesiapa melihatku di dalam mimpi maka dia akan melihatku ketika jaga (dalam keadaan sedar) dan syaitan tidak akan dapat menyerupai diriku.'" **Riwayat al-Bukhari dan Muslim**

Dalam mensyarahkan hadis ini, Imam Abu al-Abbas al-Qurtubi dalam kitab al-Mufhim lima Asykalah min Talkhis Kitab Muslim berkata: "Maka, harus melihat Nabi SAW di dalam mimpi menurut sepertimana sifat baginda SAW yang sebenar semasa hidupnya. Antara faedahnya adalah meredakan kerinduan pemimpi disebabkan rasa kasihnya yang mendalam terhadap baginda dan supaya ia terus berusaha untuk melihat baginda. Inilah yang diisyaratkan oleh Nabi SAW ketika baginda bersabda: 'Sesiapa yang melihatku di dalam mimpi maka dia akan melihatku secara yaqazah (dalam keadaan sedar)' iaitu maksudnya sesiapa yang melihatku dengan penuh rasa takzim terhadap kehormatanku serta penuh rasa rindu untuk melihatku, maka ia akan dapat melihat orang yang dikasihinya itu dan memperolehi segala keinginannya."

Malah, al-Qurtubi turut mengungkapkan pengalaman peribadi beliau, katanya: "Sesungguhnya Allah Taala telah menyempurnakan ihsan dan nikmat-Nya kepadaku serta menunaikan haji di Baitullah, ke kubur Nabi-Nya dan masjid baginda SAW. Maka aku telah melihat baginda - demi Allah - secara yaqazah sama sepertimana rupa baginda yang pernah aku



MASJID Nabawi di kota Madinah yang di dalamnya terletak makam Rasulullah SAW.

lihat di dalam mimpi tanpa bertambah atau berkurang sedikit pun."

Secara jelas beliau bersumpah dengan nama Allah SWT telah melihat Nabi SAW secara sedar, yang sebelumnya beliau bermimpi terlebih dahulu melihat baginda. Perkara luar biasa ini bukanlah satu perkara mustahil. Malah, ketika malam Nabi SAW diisrak mikraj oleh Allah SWT, baginda SAW juga pernah bertemu secara sedar dengan sekalian nabi AS serta bersolat jemaah dengan mereka.

Kita meyakini perkara luar biasa yang boleh berlaku kepada nabi AS sebagai mukjizat maka ia juga boleh berlaku kepada wali Allah sebagai karamah. Secara fakta, perkara ini juga berlaku kepada ramai ulama dan wali Allah antara mereka Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, Imam al-Syazili, Syeikh Ibn al-Arabi, Syeikh Khalifah bin Musa, Syeikh Abu al-Abbas al-Mursi, Syeikh Abu Abdillah al-Qurasyi, Syeikh Kamaluddin al-Adfawi, Syeikh Ali al-Wafa'i, Syeikh Abd al-Rahim al-Qinawi, Syeikh Abu Madyan, al-Hafiz al-Suyuti, Syeikh Ali al-Khawwas, Syeikh Ibrahim al-Matbuli, Imam al-Qastallani, Syeikh Ibn Abi al-Asya'ir, Syeikh Ibrahim al-Dusuqi, Sayyid Nuruddin al-Iji,



Aku mendengar Nabi SAW bersabda: 'Sesiapa melihatku di dalam mimpi maka dia akan melihatku ketika jaga (dalam keadaan sedar) dan syaitan tidak akan dapat menyerupai diriku'"

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Syeikh Ahmad al-Zawawi, Syeikh Mahmud al-Kurdi, Syeikh Ahmad bin Thabit al-Maghribi, Imam al-Sya'rani, Syeikh Abu al-Mawahib al-Syazili, Syeikh Nuruddin al-Syuni, al-Habib Umar al-Attas, Sayyidi Abd al-Aziz al-Dabbagh, Syeikh Muhammad bin Abi al-Hasan al-Bakri, Sayyidi Ahmad bin Idris dan ramai lagi. Menuduh ulama dan wali ini mengalami paranoia iaitu gangguan mental yang menyebabkan seseorang mengkhayalkan perkara yang aneh, hanya satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Malah, ia juga termasuk perbuatan mencalarakan maruah seorang Muslim, apatah lagi ulama dan solihin yang diharamkan oleh

syarak.

Alasan ia tidak pernah berlaku kepada sahabat RA bukanlah dalil untuk kita mendustakan mereka yang disebutkan itu. Sesuatu yang tidak dinukilkan bukan semestinya bermakna ia tidak wujud. Bahkan, sahabat RA sudah pun memperoleh kemuliaan tertinggi dengan melihat, bersama dan berjuang di samping Nabi SAW sepanjang hidup baginda.

Jelasnya, hukum melihat Nabi SAW secara yaqazah sebagai suatu karamah adalah harus dan tidak mustahil. Malah, ia memang berlaku kepada sebahagian wali Allah SWT dan solihin serta tidak harus untuk kita menuduh mereka berbohong. Melainkan jika kita mempunyai bukti kukuh pembongahan yang berlaku. Jika ada golongan yang menyeleweng dengan menunggang isu yaqazah ini maka sandarkanlah penyeleweng itu kepada golongan itu sahaja. Adapun menolak semuanya dengan mengkritik secara pukol rata semua pihak yang terabit, itu bukanlah satu tindakan yang tepat.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



KERATAN AKHBAR 19 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Fyqa impi jadi wartawan penyiasatan
Muka Surat	:	3

Wanita bercita-cita tinggi, mudah mesra tetapi miliki harga diri yang tinggi

Fyqa impi jadi wartawan penyiasatan

Pesona Ahad

GADIS manja berusia 26 tahun dikenali sebagai Nurul Afiqah Abdul Talib ini memang suka menari dan akan menghabiskan masa satu jam setiap hari untuk menari tarian yang sedang *trending* di platform TikTok.

Lebih mesra disapa Fyqa, wanita ini mengakui, menari mampu membuatkan dirinya lebih tenang selain dapat menjaga stamina dan bentuk badan.

Malah, anak sulung daripada tiga beradik itu juga sangat minat bidang nyanyian dan genre muzik pilihannya adalah R&B, blues, rock dan ballada.

Dua perkara ini merupakan terapi kebosan-an bagi Fyqa susulan penularan pandemik Covid-19 sejak tahun lalu yang mem-

bataskan pergerakannya.

Ketika ditemu bual *Kosmo!* Ahad, penuntut jurusan Komunikasi (Kewartawanan) dari Universiti Selangor ini banyak berkongsi perihal kehidupan dan masa depannya.

KOSMO! Ahad: Perkenalan tentang diri anda?

Afiqah: Saya sedang melanjutkan pengajian dalam jurusan Ijazah Komunikasi di Universiti Selangor. Bercita-cita menjadi pembaca berita, wartawan penyiasatan atau pengacara televisyen. Azawate Zenol Abidin dan Hazlin Hussain adalah



Trivia

- **Nama penuh:** Nurul Afiqah Abdul Talib
- **Nama bapa:** Abdul Talib Endin
- **Nama ibu:** Norizah Zakaria
- **Hobi:** Menari, menyanyi, melukis
- **Umur:** 26 Tahun
- **Tarikh lahir:** 30 Julai 1995
- **Asal:** Johor Bharu
- **Status:** Bujang
- **Tahap pendidikan:** Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) (Kewartawanan)
- **Instagram:** Mansiq
- **Tiktok:** @Fyasurwifey

idola saya.

Apakah yang dilakukan pada waktu lapang?

Saya suka aktiviti yang berkaitan dengan alam semula jadi seperti *hiking* dan *camping*. Namun, ketika PKP, saya banyak habiskan masa dengan melukis dan mencuba pelbagai resipi masakan.

Keistimewaan diri anda?

Seorang yang pandai dan ce-

pat menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling, tetapi tidak mudah diperkotak-katikkan sebab saya tahu harga diri saya.

Rahsia kecantikan anda?

Elak tekanan selain amal jamu dan minum air rebusan sirih.

Ciri lelaki dambaan hati?

Seorang yang setia, tidak hipokrit dan jauh sekali panas baran. Sebagai manusia kita tidak sempurna, tetapi saya percaya ada lelaki baik yang pandai menghargai wanita.

Satu tahun PKP, bagaimana diri anda?

Kehidupan berubah 360 darjah, saya seorang yang suka bersosial, tetapi sepanjang PKP, saya hanya terperap di rumah sehingga menyebabkan saya murung dan bosan. Tidak lagi dapat bercuti bersama keluarga dan kawan-kawan dan tidak bebas melakukan aktiviti *outdoor* di luar.

Ceritakan tentang kemurungan anda?

Setiap malam saya akan *face-time* bersama rakan-rakan dan keluarga yang menetap di Singapura untuk bercerita tentang kehidupan seharian.

Pandemik mengajar anda tentang apa?

Lebih menghargai diri, bersyukur kerana saya dapat meluangkan masa dan lebih rapat dengan ibu ayah dan dua adik saya.

Nasihat apabila banyak kelonggaran diberi kerajaan?

Sentiasa mematuhi SOP, perlu ada rasa tanggungjawab terhadap diri dan orang lain. Kelonggaran yang diberikan bukan untuk disalahgunakan dan jangan sampai kita kembali 'berkurung'.

Lebih terbuka di media sosial, pernah diganggu?

Ya, saya pernah diganggu tetapi saya pilih untuk tidak menghiraukannya. Saya akan terus menyekat dan 'report' demi keselamatan saya.

Belajar online, mudah atau sebaliknya?

Agak susah kerana kadangkala akan ada gangguan internet dan membuatkan saya tidak fokus. Belajar online sebenarnya tak semudah yang disangkakan kerana tiada latihan praktikal, hanya belajar teori sahaja.

Kenapa pilih kewartawanan?

Kerjaya sebagai wartawan memberi saya kesempatan dan membolehkan saya bertemu sendiri dengan tokoh-tokoh kenamaan, personaliti, artis dan setiap lapisan golongan masyarakat. Saya juga dapat mengunjungi banyak tempat. Saya berminat untuk expose the *dark side* or *corruption* untuk menyuarakan kebenaran.

Lebih 200,000 penuntut IPT belum vaksin, teguran anda?

Kini Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPKK) memohon semua mahasiswa yang masih belum mendapat janji temu vaksin agar terus ke PPV untuk terima vaksin secara *walk-in*.

FYQA mengakui pandemik Covid-19 banyak mengajarnya menjadi insan yang lebih bersabar dan berhati-hati.





KERATAN AKHBAR 19 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Seramai 103 penduduk Kemensah Heights kena pindah
Muka Surat	:	8

Seramai 103 penduduk Kemensah Heights kena pindah

AMPANG JAYA – Seramai 103 penduduk dipindahkan dari kediaman masing-masing berikutan kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights di sini malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, tindakan itu dibuat semalam bagi memastikan keselamatan kesemua penghuni melibatkan kediaman jenis rumah bandar dan banglo kerana bimbang kejadian runtuhan akan berulang.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah membuat tindakan awal menutup kawasan tanah runtuh dengan kanvas sebelum kerja-kerja dilakukan bagi mengelak terdedah kepada hujan.

"Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) turut melakukan pemeriksaan dan kajian bagi mengetahui punca kejadian tanah runtuh di lokasi tersebut," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Menurut beliau, seramai sembilan pegawai dan 39 anggota polis ditempatkan di sekitar lokasi berkenaan bagi memantau kejadian.

Dalam kejadian pada pukul 9 malam kelmarin, sebanyak 28 keluarga yang mendiami 19 rumah teres di Kemensah Heights diarahkan supaya mengosongkan kediaman masing-masing ekoran kejadian tanah runtuh di bahagian belakang rumah mereka.

Difahamkan, kejadian tanah runtuh itu berlaku berikutan hujan sejak kelmarin, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Sementara itu, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor mengisytiharkan lokasi kejadian tanah runtuh sebagai kawasan



PIHAK berkuasa menutup kawasan tanah runtuh dengan kanvas bagi mengelakkan keadaan lebih buruk di Kemensah Heights, Hulu Klang semalam.



KEADAAN runtuhan di bahagian belakang rumah teres sehingga penghuni terpaksa mengosong kediaman mereka malam kelmarin.

bencana.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata,

pihaknya melakukan tinjauan di lokasi yang terjejas bagi mengenal pasti tindakan susulan yang

akan diambil kelak.

"Runtuhan berlaku di lot bernombor 6, 8 dan 10 lalu mengakibatkan laluan sungai terhalang seterusnya melimpah sehingga menjejaskan beberapa rumah bandar," katanya.

Menurut Amirudin, kesemua penduduk yang terjejas diberikan bantuan termasuk sumbangan tunai awal sebanyak RM500 kepada setiap keluarga.

"Lokasi runtuhan melibatkan tanah hak milik, jadi sudah pasti apabila laporan teknikal daripada JMG dilengkapkan dalam masa tiga hari, kita akan maklumkan tindakan pemuliharaan yang perlu dilakukan oleh pemilik tanah atau premis yang terlibat," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan

sekurang-kurangnya RM1 juta diperlukan bagi melakukan kerja-kerja pembinaan cerucuk besi untuk menghentikan pergerakan tanah di lokasi tersebut.

Jelas beliau, terdapat keperluan untuk menghentikan pergerakan tanah terlebih dahulu berikutan cuaca yang tidak menentu sebelum kerja-kerja baik pulih boleh dimulakan.

"JMG akan melengkapkan laporan teknikal berhubung kejadian dalam masa tiga hari bagi menentukan sama ada kawasan rumah itu selamat untuk didiami atau tidak.

"Setakat ini saya dimaklumkan struktur rumah masih utuh dan tiada sebarang pergerakan.

"Penduduk akan dibenarkan pulang sekiranya laporan mengatakan ia selamat untuk kembali diduduki kelak," kata beliau.



KERATAN AKHBAR
19 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Insiden lebih buruk jika hujan berterusan
Muka Surat	:	11

Insiden lebih buruk jika hujan berterusan

KEMENSAH - Penghuni 27 kediaman yang terlibat insiden tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights diingatkan supaya bersedia dengan sebarang kemungkinan berlakunya situasi lebih buruk di lokasi kejadian terutama sekiranya hujan berterusan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Latiff Ahmad berkata, pergerakan tanah di kesan masih berlaku meskipun ketika cuaca kering dan dikhuatiri keadaan menjadi lebih buruk jika hujan berterusan.

“Saya lihat sendiri kesan runtuh dan ia masih berlaku. Jadi, tidak boleh pandang ringan kerana jika hujan berlarutan, ia mungkin mempunyai kesan lebih teruk. Paling penting utamakan

keselamatan nyawa dan beri amaran kepada penduduk setempat supaya bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

“Walaupun ketika tidak hujan, pergerakan tanah masih berlaku. Lebih baik jangkakan keadaan lebih buruk daripada memberi harapan yang salah kepada masyarakat di sini,” katanya ketika sidang media selepas lawatan ke lokasi kejadian tersebut di sini pada Sabtu.

Pada masa sama, beliau berkata, paling utama ketika ini, pembaikan di kawasan terjejas telah dimulakan dan kerja-kerja awal pembersihan runtuh dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada petang Sabtu bagi memastikan aliran sungai lebih lancar.



Dr Latiff (dua dari kiri) melawat lokasi kejadian tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights pada Sabtu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **19 September 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kemensah Heights diisytihar kawasan bencana
Muka Surat	:	11

Kemensah Heights diisytihar kawasan bencana

AMPANG - Kawasan di Jalan Kemensah Heights di sini yang dilanda tanah runtuh pada Jumaat diisytihar sebagai kawasan bencana.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebanyak 27 keluarga terlibat dalam insiden tersebut melibatkan tiga buah rumah banglo dan 24 unit rumah bandar di sini.

Menurutnya, pihak Jabatan Pengurusan Bencana Negeri Selangor

turut mengarahkan semua mangsa tersebut untuk berpindah sementara buat masa ini.

Amirudin berkata, kerajaan Selangor turut menyalurkan bantuan segera sebanyak RM500 kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana tersebut.

“Kita akan mendapatkan maklum balas daripada pihak berkenaan mengenai langkah seterusnya dan saya

akan maklumkan dalam masa terdekat jumlah unit yang selamat diduduki serta tindakan susulan yang akan dilakukan.

“Pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan meletakkan kanvas di kawasan runtuh untuk mengelakkan ia terjejas pada air dan unsur-unsur lain yang mungkin menyebabkan kerapuhan struktur tanah serta runtuh-an susulan,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **19 September 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pembinaan cerucuk besi perlu disegerakan - Azmin
Muka Surat	:	11

Pembinaan cerucuk besi perlu disegerakan - Azmin

KUALA LUMPUR - Pembinaan cerucuk besi perlu dilaksanakan segera di kawasan yang terlibat dengan insiden tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights di sini bagi menahan sebarang pergerakan tanah di kawasan cerun runtuh itu.

Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bagi tujuan itu pihaknya telah meminta pertimbangan dan peruntukan sebanyak RM1 juta daripada Kementerian

Kewangan.

“Jika diikuti kawasan ini merupakan tanah persendirian, jadi kerja-kerja membaik pulih mengikut undang-undang perlu dilakukan oleh pemilik tanah sendiri.

Namun kali ini nyawa rakyat lebih menjadi keutamaan jadi saya telah hubungi Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri



AZMIN ALI

Zafrul Tengku Abdul Aziz untuk tujuan itu.

